

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

IDEAS: MyOBI Shows Terengganu Leading in Budget Transparency, while Selangor Tops Legislative Oversight

Kuala Lumpur, 11 August 2026 – Terengganu emerged as Malaysia's leading state for budget transparency in the Malaysia Open Budget Index (MyOBI) 2026, released today by the Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), reflecting its strong performance in the public availability of budget information. Selangor topped the legislative oversight assessment, followed by Pulau Pinang and Terengganu. While nine states improved the public availability of budget information and seven strengthened legislative oversight since the previous assessment, significant gaps remain, with no state publishing a complete set of essential budget documents in a timely manner.

Developed with the support of the Delegation of the European Union to Malaysia and implemented in collaboration with civil society organisation (CSO) partners across Malaysia, MyOBI 2026 assesses budget transparency across all 13 states by measuring the public availability of budget information, legislative oversight by State Legislative Assemblies (DUNs), and opportunities for public participation. The 2026 edition introduces the most significant methodological revision since the Index was launched in 2019, drawing on benchmarks adapted from the International Budget Partnership's globally recognised Open Budget Survey to provide a more comprehensive assessment.

Although nine states made tangible improvements in the public availability of budget information, the more rigorous methodology implemented this year resulted in nine states recording lower scores, highlighting the need for caution when making direct comparisons with the 2024 results.

Among the report's key findings:

- Terengganu ranked first overall for budget transparency, followed by Selangor and Pulau Pinang. Pahang saw the largest improvement since the 2024 assessment.
- Terengganu, Selangor, and Pulau Pinang recorded the strongest legislative oversight, while Perak registered the largest improvement since 2024.
- No state publishes a complete set of essential budget documents in a timely manner, with Supply Bills, Enacted Budgets and Year End Reports remaining particularly difficult to access.
- Opportunities for public participation in state budget processes remain limited across all states.


"It is encouraging that nine states have improved the public availability of budget information since the last assessment, demonstrating that meaningful progress is possible. However, the findings also show that all states still have work to do. Timely publication of budget information, stronger legislative oversight and meaningful public participation are essential to building greater transparency and accountability in state budgeting," said Aira Azhari, IDEAS CEO.

"Budget transparency is fundamental to good governance. The European Union is proud to support initiatives such as the MyOBI which strengthen public accountability and promote the sharing of good practices across Malaysia's states," said Stefan Wetzel, Attache – Programme Officer of the Delegation of the European Union to Malaysia.

IDEAS recommends that state governments publish and archive detailed budget documents in a timely manner, strengthen reporting on budget implementation and policy outcomes, improve transparency in State Legislative Assembly proceedings, and establish formal pre-budget consultation mechanisms, including accessible public consultation portals, surveys and public polls.

The MyOBI 2026 assessment was conducted through a nationwide network of volunteer research partners using a standardised methodology. The findings were independently peer reviewed and shared with all state governments prior to publication.

The full **MyOBI 2026** report is available on pantauwangkita.com.



- END -

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit think tank, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focusing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information, visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

IDEAS: Terengganu Terbaik dalam Ketelusan Belanjawan, Selangor Teratas dalam Pemantauan Legislatif

Kuala Lumpur, 11 Ogos 2026: Terengganu muncul sebagai negeri terbaik di Malaysia dari segi ketelusan belanjawan dalam Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) 2026 yang dilancarkan hari ini oleh Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), mencerminkan prestasi kukuhnya dalam aspek kebolehcapaian maklumat belanjawan kepada orang awam. Selangor menduduki tempat teratas dalam penilaian pemantauan legislatif, diikuti oleh Pulau Pinang dan Terengganu. Walaupun sembilan negeri mencatatkan peningkatan dalam kebolehcapaian maklumat belanjawan kepada orang awam dan tujuh negeri memperkukuh pemantauan legislatif sejak penilaian terdahulu, jurang yang ketara masih wujud, dengan tiada satu pun negeri menerbitkan set lengkap dokumen belanjawan penting tepat pada masanya berdasarkan penanda aras yang ditetapkan.

Dibangunkan dengan sokongan Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia dan dilaksanakan melalui kerjasama dengan rakan organisasi masyarakat sivil (CSO) di seluruh Malaysia, MyOBI 2026 menilai ketelusan belanjawan di kesemua 13 negeri dengan mengukur kebolehcapaian maklumat belanjawan kepada orang awam, pemantauan legislatif oleh Dewan Undangan Negeri (DUN), serta ruang penglibatan awam dalam proses belanjawan. Edisi 2026 memperkenalkan semakan metodologi paling ketara sejak Indeks ini dilancarkan pada tahun 2019, dengan menggunakan adaptasi daripada penandaarasan *Open Budget Survey* kelolaan *International Budget Partnership* yang diiktiraf di peringkat dunia bagi menyediakan penilaian yang lebih menyeluruh.

Walaupun sembilan negeri menunjukkan peningkatan ketara dalam kebolehcapaian maklumat belanjawan kepada orang awam, metodologi yang lebih ketat yang dilaksanakan pada tahun ini menyebabkan sembilan negeri mencatatkan skor yang lebih rendah, sekali gus menunjukkan perlunya berhati-hati apabila membuat perbandingan secara langsung dengan keputusan tahun 2024.

Antara dapatan utama laporan ini:

- Terengganu menduduki tempat pertama secara keseluruhan dari segi ketelusan belanjawan, diikuti oleh Selangor dan Pulau Pinang. Pahang mencatatkan peningkatan terbesar sejak penilaian tahun 2024.
- Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang mencatatkan prestasi pemantauan legislatif yang paling kukuh, manakala Perak merekodkan peningkatan terbesar sejak tahun 2024.
- Tiada satu pun negeri yang menerbitkan set lengkap dokumen belanjawan penting tepat pada masanya, dengan RUU Perbekalan, Enakmen Perbekalan dan Laporan Akhir Tahun kekal sebagai antara dokumen yang paling sukar diakses.
- Ruang penglibatan awam dalam proses belanjawan negeri masih terhad di semua negeri.


“Melihat sembilan negeri telah mencatatkan peningkatan dalam kebolehcapaian maklumat belanjawan kepada orang awam sejak penilaian yang lalu adalah amat menggalakkan, sekali gus menunjukkan bahawa kemajuan yang bermakna boleh dicapai. Namun begitu, dapatan ini juga menunjukkan bahawa semua negeri masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Penerbitan maklumat belanjawan secara tepat pada masanya, pemantauan legislatif yang lebih kukuh dan penglibatan awam yang bermakna adalah penting untuk membina ketelusan dan kebertanggungjawaban yang lebih baik dalam proses belanjawan negeri,” kata Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Aira Azhari.

“Ketelusan belanjawan merupakan asas kepada tadbir urus yang baik. Kesatuan Eropah berbangga dapat menyokong inisiatif seperti MyOBI yang memperkukuh kebertanggungjawaban awam dan menggalakkan perkongsian amalan terbaik antara negeri di Malaysia,” kata Stefan Wetzel, Atase – Pegawai Program, Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia.

IDEAS mengesyorkan agar kerajaan negeri menerbitkan dan mengarkibkan dokumen belanjawan terperinci secara tepat pada masanya, memperkukuh pelaporan mengenai pelaksanaan belanjawan dan hasil dasar, meningkatkan ketelusan dalam prosiding Dewan Undangan Negeri, serta mewujudkan mekanisme rasmi perundingan prabelanjawan, termasuk portal perundingan awam, soal selidik dan tinjauan pendapat awam yang mudah diakses.

Penilaian MyOBI 2026 dilaksanakan melalui rangkaian penyelidik sukarelawan di seluruh negara dengan menggunakan metodologi yang diseragamkan. Dapatan kajian telah melalui proses semakan pewasitan setara bebas dan dikongsikan dengan semua kerajaan negeri sebelum penerbitannya.

Laporan penuh **MyOBI 2026** boleh didapati di laman web pantauwangkita.com



Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Pengurus, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah badan pemikir bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my